

SIARAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH MENANDAKAN BERMULANYA PEMBINAAN UNTUK PROJEK RTS LINK

Majlis secara maya disertai lebih 200 jemputan dari pelbagai lokasi diadakan untuk mematuhi PKPB

Johor Bahru, 22 November 2020: Satu majlis pecah tanah telah diadakan pada hari ini untuk menandakan bermulanya kerja pembinaan Projek Rapid Transit System (RTS) Link antara Johor Bahru dan Singapura.

Majlis pecah tanah yang dilangsungkan di tapak bakal Bangunan Imigrasi, Kastam dan Kuarantin (ICQ) di Bukit Chagar. Namun, majlis tersebut dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, secara maya dari Istana Bukit Serene.

Majlis ini diubah menjadi majlis secara maya di atas nasihat Baginda Tuanku Sultan kerana Baginda Tuanku Sultan prihatin terhadap keselamatan para peserta sekiranya majlis secara fizikal dijalankan walaupun setelah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ditamatkan di Johor Bahru.

RTS Link antara Malaysia dan Singapura akan menjadi perkhidmatan rel dengan dua stesen, satu di Bukit Chagar di Johor Bahru dan satu lagi di Woodlands North di Singapura. Laluan ini disasarkan mula beroperasi pada akhir 2026 dan akan menyediakan laluan rentas sempadan yang mudah dan efisien antara Malaysia dan Singapura.

Hadir bersama Baginda Tuanku Sultan di Istana Bukit Serene adalah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor; Menteri Besar Johor, YAB Datuk Haji Hasni Bin Mohammad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Dato 'Haji Azmi Bin Rohani.

Pada masa yang sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur YB Mohd Solihan Badri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang lain serta ketua-ketua agensi Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan turut menyertai majlis tersebut menerusi sidang video Zoom di Bangunan Sultan Ismail di Kota Iskandar, Iskandar Puteri.



Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir. Wee Ka Siong turut menyertai majlis tersebut menerusi sidang video Zoom di kementeriannya di Putrajaya.

Tetamu jemputan lain termasuk Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Seri Azam Baki; Pengerusi RTS Operations Pte Ltd, Datuk Syed Mohamed Ibrahim; dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Presiden Prasarana Malaysia Berhad, Encik Muhammad Nizam Alias dan turut menyertai majlis tersebut secara maya.

Secara keseluruhannya, seramai 200 tetamu jemputan telah meraikan peristiwa bersejarah ini dari lokasi-lokasi di Johor Bahru, Putrajaya dan lain-lain tempat di dalam negara ini.

Di Bukit Chagar, upacara pecah tanah telah disaksikan secara langsung oleh Pengerusi Malaysia Rapid Transit System (MRTS) Sdn Bhd Datuk Isham Ishak yang juga merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Datuk Mohd Zarif Hashim dan Pengarah Projek RTS Link Ir Zulkifli Mohamed.

MRTS ialah anak syarikat milik penuh MRT Corp dan dilantik sebagai syarikat infrastruktur Malaysia (InfraCo) Projek RTS. Peranannya ialah untuk membina dan memiliki infrastruktur RTS Link di bahagian Malaysia.

Untuk melancarkan upacara pecah tanah tersebut, Baginda Tuanku Sultan telah menandatangani sebuah plak elektronik di Istana Bukit Serene yang mencetuskan bunyi siren dan piroteknik di Bukit Chagar. Mesin cerucuk gerak kemudian telah menggali ke dalam tanah, menandakan selesainya upacara pecah tanah.

Sebuah video mengenai projek itu kemudian telah ditayangkan sebelum acara rasmi berakhir.

Dalam ucapan alu-aluannya, Zarif berkata RTS Link akan menjadi pemangkin untuk mengubah Johor Bahru menjadi bandar raya lestari yang moden.

“Kemudahan serta system pengangkutan awam yang pintar dan cekap akan juga merancakkan kegiatan ekonomi serta mengukuhkan status bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah pusat tumpuan modal insan yang terbaik di serantau,” kata beliau.

Kata beliau, RTS Link merupakan sistem LRT pertama dibina di Johor Bahru yang merupakan sebuah bandar raya pintu masuk ke selatan Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, adalah penting untuk projek RTS Link ini dilaksanakan mengikut jadual dan piawaian antarabangsa.

Zarif berkata kos pembangunan Projek RTS Link yang akan ditampung oleh Malaysia adalah RM3.7 bilion dan ini merangkumi pembinaan stesen di Bukit Chagar, depoh di Wadi Hana, jejambat melalui pusat bandar raya Johor Bahru dan juga jambatan menyeberangi Selat Johor ke Sempadan Malaysia-Singapura.

Kos tersebut juga merangkumi pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin empat tingkat di Bukit Chagar. Fasiliti ini merupakan sebahagian daripada pembangunan berorientasikan transit di



Bukit Chagar di mana di tapak yang sama, Hab Pengangkutan Multimodal dan satu pembangunan hartanah bercampur akan dibangunkan.

Katanya, Adil Permata Sdn Bhd yang merupakan pemaju untuk pembangunan hartanah tersebut telah dilantik sebagai kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja awalan seperti pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan sebagainya.

“Sebanyak 40% daripada kos pembinaan infrastruktur ini telah diperuntukkan untuk kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mana sebahagiannya adalah termasuk kontraktorkontraktor Gred 1 sehingga Gred 6 dari negeri Johor,” kata beliau.

Dengan adanya depoh untuk RTS Link yang kini terletak di Wadi Hana, akan ada banyak peluang bagi perniagaan tempatan untuk terlibat dalam rangkaian bekalan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih dan dalam membangunkan kepakaran tempatan dalam industri teknologi rel kereta api.

Sementara itu, Zarif juga mengatakan bahawa satu Pertandingan Reka Bentuk Muka Bangunan Stesen RTS Link akan dilancarkan pada 23 November 2020. Beliau berkata Baginda Tuanku Sultan telah mencadangkan agar pertandingan seperti ini dianjurkan untuk projek ini.

“Patik sekalian juga menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas kesudian bercemar Duli untuk menjadi penaung serta mengetuai barisan juri bagi pertandingan ini,” katanya.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my